

Asrama ranap, pelajar Malaysia di Turkiye selamat

06 Februari 2023 08:58pm Masa membaca: 3 minit



Gempa bumi yang melanda selatan Turkiye awal pagi Isnin berhampiran bandar Gaziantep telah meragut 912 nyawa di Turkiye. Foto EPA

KUALA LUMPUR - Persatuan Pelajar Malaysia di Turkiye (MASAT) mengesahkan tidak menerima sebarang laporan berkenaan pelajar Malaysia yang terkesan akibat [gempa bumi](#) bermagnitud 7.8 yang meg gegarkan selatan Turkiye pagi Isnin.

Presidennya Adib Azman ketika dihubungi Bernama melalui WhatsApp berkata, persatuan berkenaan membuat hebahan dan menghubungi pelajar di kawasan terkesan termasuk di Gaziantep yang merupakan bandar terdekat dengan pusat gempa.

Menurut pelajar tahun ketiga di Istanbul University itu, dua pelajar Malaysia yang menuntut di sebuah universiti di Gaziantep disahkan selamat.

"Kami juga ada membuat semakan dengan pelajar tafhib (warga Malaysia) di sana dan dilaporkan ada asrama mereka yang ranap disebabkan gempa bumi dan ada di kalangan rakan mereka dari negara lain yang syahid.

"Namun alhamdulillah setakat ini tiada pelajar tafhib Malaysia yang terkesan dan dilaporkan mereka berlindung di masjid buat sementara waktu," katanya.

Adib yang menuntut dalam jurusan Pengajian Islam (Uluslararası İlahiyat) berkata, terdapat kira-kira 200 pelajar Malaysia di Turkiye dengan 168 daripadanya adalah pelajar universiti yang berdaftar dengan persatuan itu, manakala selebihnya pelajar tafhib atau sekolah tinggi.

"Untuk situasi ini pihak Kedutaan Malaysia di Ankara dan Konsulat Jeneral di Istanbul telah menerima makluman keberadaan pelajar-pelajar berkenaan dan telah diberikan nombor telefon pelajar di sana sekiranya mereka memerlukan sebarang bantuan," katanya.

Beliau turut menasihatkan pelajar Malaysia di negara itu untuk segera memaklumkan kepada MASAT sekiranya terlibat dalam apa jua kecemasan dan mendaftar di bawah persatuan untuk keselamatan mereka.

Menceritakan situasi ketika gempa berlaku, Adib berkata, beliau yang berada Istanbul hanya merasai gegaran kecil.

"Saya berada di [Turkiye](#) buat tahun ketiga dan hanya dua kali sahaja saya merasai pengalaman gempa bumi. Istanbul jarang sekali ada gempa bumi yang agak serius dan biasanya terkesan sedikit gegaran.

"Ada sekali gempa bumi di kawasan yang jarak perjalanannya 2 jam dari Istanbul dan kami dapat rasa gegaran di sini, masa itu dalam pukul 3 pagi. Saya terjaga, katil dan almari bergoyang dalam satu minit," katanya.

Seorang lagi rakyat Malaysia yang menetap di Istanbul, Mohd Khairul Zainoddin turut merasakan gegaran kecil ketika gempa bumi itu berlaku, namun bersyukur aktiviti kembali normal pada sebelah pagi.

"Di Istanbul angin ribut kuat, salji turun dan hujan lebat. Waktu gempa itu berlaku saya tidur, saya hanya rasa gegar sikit," katanya.

Pekerja sambilan syarikat televisyen tempatan itu berkata beliau bagaimanapun masih belum dapat menghubungi rakan-rakannya yang berada di kawasan yang terjejas akibat gempa.

Menurut laporan media, gempa bumi yang melanda selatan Turkiye awal pagi Isnin berhampiran bandar Gaziantep telah meragut 912 nyawa di Turkiye, manakala 476 lagi kematian direkodkan di negara jiran Syria.

Sementara itu, satu lagi gempa kuat bermagnitud 7.2 berlaku 99 km barat dari Malatya, Turki pada 6.24 petang Isnin. - Bernama.